

NO SOALAN : 50

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN
OSMAN
(GERIK)**

**TARIKH : 26.5.2016
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Keimenterian dalam menangani ancaman keselamatan dari luar yang mampu menggugat kedaulatan negara.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan sentiasa memandang serius tentang isu keselamatan negara dan pelbagai usaha telah dan sedang diambil dalam memastikan kedaulatan negara akan terus terpelihara daripada sebarang bentuk ancaman. Ini termasuk ancaman dari kawasan serantau mahupun antarabangsa.

Kementerian telah menggariskan 5 Teras Hala Tuju yang perlu dicapai iaitu Kesiapsiagaan, Program Latihan Khidmat Negara 2.0 (PLKN 2.0), Keselamatan, Kebajikan dan Diplomasi Pertahanan. Isu keselamatan merupakan fokus utama yang diberikan perhatian oleh pihak Kementerian di mana 3 daripada 5 Teras tersebut menjurus kepada Keselamatan Negara iaitu Kesiapsiagaan, Keselamatan, dan Diplomasi Pertahanan.

Melalui Teras Kesiapsiagaan, keupayaan ATM terus diperkuatkan mengikut rancangan Pelan Pembangunan Keupayaan Dimensi Keempat ATM atau dikenali sebagai *Fourth Dimension of Malaysian Armed Forces* (4DMAF). Keutamaan pembangunan keupayaan ini diberikan kepada aset dan kelengkapan yang mampu menangani ancaman keselamatan negara di samping mengoptimumkan peruntukan kewangan yang diterima. Ini melibatkan projek-projek peningkatan kesiapsiagaan di bawah Rancangan Pembangunan Pertahanan Darat, Maritim dan Ruang Udara.

Melalui Teras Keselamatan pula, Kementerian memfokuskan kepada 5 perkara iaitu Keselamatan Zon Maritim Malaysia, Wilayah Timur Sabah, Persempadanan Darat, Keselamatan Siber dan Ancaman Keganasan. Inisiatif-inisiatif strategik di bawah fokus ini termasuklah memperluaskan kerjasama *Malacca Straits Patrol* (MSP), Pengoperasian Sea Basing, peluasan keupayaan perisikan dan menambah baik aspek Komunikasi

Strategik. Pemantauan dan perancangan melalui pendekatan strategik di dalam menghadapi isu-isu keganasan yang menular dari setiap pelosok dunia turut dilakukan melalui perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan yang lain.

Disamping itu, Kementerian dan ATM telah sekian lamanya mengambil pendekatan Diplomasi Pertahanan *dan Confidence Building Measure* (CBM) sebagai langkah utama dalam membina keakraban hubungan kerjasama pertahanan. Pendekatan ini sedang dan akan terus dipertingkat dan diperkuuhkan dengan negara-negara serantau dan antarabangsa terutamanya dalam aspek-aspek keselamatan sempadan, isu Laut China Selatan, kerjasama industri pertahanan serta pencegahan keganasan.